


Ops Catut 6.0: KPDNHEP N. Sembilan keluar 27 notis

Tarikh kemaskini: 19/12/2019



Ketua Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan Johary Yacob (dua, kanan) bersama para pegawainya membuat Pelaksanaan Ops Catut 6.0, di Kilang Coca Cola Bottlers (Malaysia) Sdn Bhd, Bandar Enstek, hari ini. --fotoBERNAMA (2019) HAK CIPTA TERPELIHARA.

NILAI, 19 Dis -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan mengeluarkan notis Pengesahan Maklumat Barang atau Perkhidmatan kepada 27 pengilang, pemberong dan peruncit, menerusi pelaksanaan Ops Catut 6.0 Program Subsidi Petrol (PSP).

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP negeri Johary Yacob berkata notis itu bagi mendapatkan maklumat harga jualan sebelum dan semasa bagi tempoh 12 bulan, tahun ini.

"Maklumat harga yang diperolehi ini kemudiannya akan dikumpulkan untuk dianalisa dan dijadikan asas rujukan pemeriksaan bagi mengesan sebarang kenaikan harga barang setelah PSP dilaksanakan pada 1 Januari tahun hadapan," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pemeriksaan Ops Catut 6.0 (PSP) di kilang Coca-Cola Bottlers (Malaysia) Sdn Bhd, dekat sini.

Johary berkata kesemua notis berkenaan dikeluarkan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dengan pecahan pemeriksaan iaitu 10 pengilang, pemberong (tiga) dan peruncit (14).

Katanya operasi yang dilaksanakan sejak 2 Dis lepas dan akan berterusan sehingga 30 Jun tahun hadapan, bertujuan bagi mengesan sebarang aktiviti pencatutan barang pengguna yang disyaki dilakukan oleh peniaga yang tidak beretika.

"Di Negeri Sembilan, penguatkuasaan PSP yang dilaksanakan sejak 2 Dis lepas membabitkan seramai 98 pegawai dengan tumpuan operasi dan pemeriksaan ke atas barang bagi kategori makanan dan minuman, barang isi rumah, barang elektrik, perabot, tekstil dan kasut," katanya.

Johary dalam pada itu mengingatkan semua peringkat rantaian perniagaan di seluruh negeri ini supaya tidak menaikkan harga barang sesuka hati dengan mengaut keuntungan tinggi secara tidak munasabah.

Mereka juga katanya perlu memastikan kenaikan harga yang dibuat selaras dengan peruntukan perundangan pencatutan yang dikuatkuasakan.

"Jika dalam tempoh pelaksanaan terdapat pihak yang kita dapat maklumat menaikkan harga melampau, maka kita akan ambil tindakan di bawah Seksyen 14(1) AKHAP 2011," katanya.

-- BERNAMA

